



Merangkumi

- Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan di lombong/ kuari yang dinyatakan dalam Akta 525/ Akta, Enakmen atau Ordinan Perhutanan/ Peraturan Kuari Negeri
- Penyelenggaraan dan penjagaan infrastruktur/ peralatan kritikal bagi tujuan keselamatan (*safety and security*) bagi tujuan mengelakkan risiko kemalangan
- Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Pengorekan dan pengekstrakan mineral dan bahan batuan
- Peletupan
- Memproses dan menyimpan mineral/bahan batuan
- Pengeksportan mineral dan bahan batuan ke luar negara

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi yang Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Permohonan kebenaran untuk penjagaan dan penyelenggaraan hendaklah dibuat kepada KeTSA/ JMG melalui emel apply_cmrss@jmg.gov.my

Waktu Beroperasi

8.00 pagi hingga 5.00 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan

Secara maya sahaja

Kapasiti Tenaga Kerja

Rujuk Jadual Aktiviti dan Protokol

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Punca Kuasa, Kebenaran dan Maklumat	<p>1. Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan di lombong/ kuari/ premis bagi tujuan keselamatan adalah berkaitan dengan Akta Pembangunan Mineral 1994 (Akta 525), Akta, Enakmen atau Ordinan Perhutanan dan Peraturan-Peraturan Kuari Negeri.</p> <p>2. Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan yang dibenarkan dalam Sektor Perlombongan dan Pengkuarian adalah :</p> <p>(a) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal, iaitu kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan risiko bahaya atau kemudaratan terhadap kehilangan nyawa dan kecederaan, kerosakan harta benda dan pencemaran alam sekitar, meliputi :</p> <p>(i) muka lombong/kuari: Penyelenggaraan dan pembaikan cerun, jalan lombong/kuari, pemulihan lombong/kuari, penyahairan kawasan kolam lombong/kuari,</p> <p>(ii) kawasan loji pemprosesan: Pemeriksaan berkala, pembaikan, penjagaan dan siap siaga mesin, jentera, peralatan loji dan penyimpanan bahan letupan serta bahan kimia berbahaya;</p> <p>(iii) kawasan hampas: pemeriksaan, pembaikan, penyelenggaraan bagi fasiliti kolam takungan hampas (TSF) dan kawasan longgokan hampas kering serta kawalan pencemaran di lombong/kuari;</p> <p>(iv) Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan peralatan dan jentera berat untuk tujuan i, ii dan iii sahaja.</p> <p>(b) Kerja-kerja penjagaan, penyelenggaraan dan pembaikan di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral seperti di perenggan (a)(ii), (a)(iii) dan (a)(iv);</p>



Merangkumi

- Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan di lombong/ kuari yang dinyatakan dalam Akta 525/ Akta, Enakmen atau Ordinan Perhutanan/ Peraturan Kuari Negeri
- Penyelenggaraan dan penjagaan infrastruktur/ peralatan kritikal bagi tujuan keselamatan (*safety and security*) bagi tujuan mengelakkan risiko kemalangan
- Aktiviti penjagaan dan penyelenggaraan di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Pengorekan dan pengekstrakan mineral dan bahan batuan
- Peletupan
- Memproses dan menyimpan mineral/bahan batuan
- Pengeksportan mineral dan bahan batuan ke luar negara

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi yang Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Permohonan kebenaran untuk penjagaan dan penyelenggaraan hendaklah dibuat kepada KeTSA/ JMG melalui emel apply_cmrss@jmg.gov.my

Waktu Beroperasi

8.00 pagi hingga 5.00 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan

Secara maya sahaja

Kapasiti Tenaga Kerja

Rujuk Jadual Aktiviti dan Protokol

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pematuhan Kawalan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjalankan saringan termasuk imbasan suhu dan taklimat kesihatan kepada pekerja pada setiap hari bekerja. Hanya pekerja dengan suhu 37.5 °C dan kurang serta yang tidak mempunyai batuk, sakit tekak atau susah nafas sahaja dibenarkan bekerja. ▪ Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di lokasi-lokasi utama. ▪ Mematuhi penjarakan fizikal. ▪ Melaporkan kepada KKM dan JMG jika terdapat pekerja yang dijangkiti atau disyaki mengidap COVID-19. ▪ Menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun dan air.
Kapasiti Tenaga Kerja	<p>(a) $\leq 60\%$ daripada kapasiti biasa bagi ekonomi yang dibenarkan pada satu-satu masa. (b) Pergerakan pekerja hanya pergi dan balik dari rumah ke tempat kerja sahaja.</p>
Pengurusan Tenaga Kerja	Boleh dibenarkan bekerja secara penggiliran hari atau syif dengan ketetapan $\leq 60\%$ daripada Tenaga Kerja Operasi pada satu-satu masa.
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dibenarkan (dengan surat pelepasan majikan/ pas pekerja): <ol style="list-style-type: none"> Antara Daerah Antara Negeri ▪ Pekerja wajib membawa surat kelulusan beroperasi dari Agensi yang Diberi Kuasa ▪ Syarikat/ Premis Perniagaan hendaklah mempamerkan surat kelulusan beroperasi tersebut.
Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pekerja dan kontraktor perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat. ▪ Pekerja dan kontraktor diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah.